

Headline	Cinta Gay & Lesbian		
MediaTitle	Remaja		
Date	25 Oct 2012	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	76,315
Page No	100	Readership	181,318
Language	Malay	ArticleSize	551 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,771
Frequency	Fortnight	PR Value	RM 14,312



• GRAFIK FARHAH

Sesuci Rohani

Penulis: Hilal Asyraf



Bellau merupakan Pengerusi Syarikat Langitiman Resources, penulis buku motivasi dan novelis. Layari laman web beliau di <http://langitilahi.com>.

# Cinta Gay & Lesbian

**Jika benar gay dan lesbian adalah fitrah, maka di mana logiknya Allah SWT mengazab kaum Nabi Lut...**

Ada orang kata, gay dan lesbian adalah fitrah. Namun sebenarnya, apa-apa sahaja yang bertentangan dengan Islam bukanlah fitrah. Di dalam Islam, gay dan lesbian bukanlah perkara yang dibenarkan. Islam merupakan agama yang semua di dalamnya punya makna. Maka di manakah maknanya pada gay dan lesbian? Jika berkahwin tidak mempunyai kemungkinan untuk memperoleh anak, hanya sekadar melampias nafsu mengikut acuan sendiri dan kemudiannya ke mana? Apa manfaatnya untuk dunia ini?

Bahkan, gay dan lesbian antara yang mudah mendapat jangkitan AIDS. Sekiranya benar gay dan lesbian adalah sebuah fitrah, maka mengapa Tuhan melaknatnya dengan menurunkan azab terhadap mereka yang melakukannya? Amat kelakar apabila orang seperti Irshad Manji berkata bahawa jika Tuhan tidak membenarkan gay dan lesbian, maka Tuhan tidak sepatutnya menciptakan mereka.

Allah SWT menciptakan baik dan buruk untuk menguji manusia. Untuk manusia pilih arah mana mereka mahu tuju.

*"Serta mengilhamkannya (untuk mengenali) jalan yang membawanya kepada kejahatan dan yang membawanya kepada bertakwa. Sesungguhnya berjayalah orang yang menjadikan dirinya - yang sedia bersih - bertambah-tambah bersih (dengan iman dan amal kebajikan)."*  
Surah Asy-Syams ayat 8-9.

Maka di sinilah ujiannya buat kita. Jika benar gay dan lesbian adalah fitrah, maka di mana logiknya Allah SWT mengazab kaum Nabi Lut yang merupakan antara pemraktis seks songsang pertama di dalam sejarah dunia? "(Demikian juga) kaum Nabi Lut

telah mendustakan peringatan dan amaran. Sesungguhnya kami telah menghantarkan kepada mereka angin ribut yang menghujani mereka dengan batu, kecuali keluarga Nabi Lut. Kami selamatkan mereka (dengan menyuruh mereka keluar dari situ) pada waktu jauh malam, sebagai limpah kurnia dari Kami.

Demikianlah kami membalas orang-orang yang bersyukur. Dan demi sesungguhnya! Nabi Lut telah memberi amaran kepada mereka mengenai azab seksa kami dalam pada itu, mereka tetap mendustakan amaran-amaran itu. Dan demi sesungguhnya! Mereka telah memujuk Nabi Lut mengenai tetamunya, lalu Kami hapuskan biji mata mereka, serta (dikatakan kepada mereka): Rasalah azabKu dan kesan amaran-amaranKu!

Dan demi sesungguhnya! Mereka telah ditimpa azab yang kekal pada pagi-pagi hari (esoknya). Lalu (dikatakan kepada mereka):

*"Rasalah azab-Ku dan kesan amaran-amaranKu!"* Surah Al-Qamar ayat 33-39.

Justeru sebagai seorang Muslim, kita sepatutnya menjauhi perkara ini. Hari ini ada agenda yang cuba membawa kita merasa 'biasa' dengan perkara ini. Sedangkan ini merupakan perkara yang dibenci oleh Allah SWT. ❖

Sekiranya kamu mempunyai sebarang kemusykilan tentang agama, boleh hantarkan soalan kamu ke SOAL JAWAB BERSAMA HILAL ASYRAF / MAJALAH REMAJA, Kumpulan Media Karangraf Sdn Bhd, Lot No 25, Premis No. 1, Jalan Renggam 15/5, Off Persiaran Selangor, Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor.



Tidak halal seorang Muslim mendiamkan (tidak mahu menyapa) saudaranya lebih daripada tiga malam di mana kedua-duanya saling bertemu lalu yang ini berpaling dan yang itu berpaling. Yang terbaik di antara keduanya ialah orang yang memberi salam.  
(HR Muslim)

*Siapa yang pergi untuk menuntut ilmu, Allah akan membukakan pintu surga untuknya, malaikat-malaikat membentangkan sayapnya kepadanya, malaikat-malaikat di langit dan ikan-ikan di laut mendoakan kepadanya.*  
(HR Abu Daud dan Tirmidzi)

*Di dalam tubuh manusia ada segumpal daging. Apabila daging itu baik, maka tubuh seluruhnya menjadi baik. Dan apabila daging itu buruk, maka seluruhnya menjadi buruk. Ketahuilah bahwa segumpal daging itu adalah kalbu atau hati manusia.* (Al Hadist)

*Keuntungan bangun pada waktu pagi ialah Allah SWT akan melapangkan fikirannya, memanjangkan umurnya, sihat tubuh badan serta dimurahkannya rezeki.*  
(Imam Al-Ghazali)